

LAPORAN RINGKAS

SAMBUTAN HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA 'WORLD KIDNEY DAY ' PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2023

1. PENGENALAN

Sambutan hari buah pinggang sedunia adalah merupakan satu bentuk kempen yang dilakukan pada bulan Mac setiap tahun di seluruh dunia. Pada tahun 2023 ini, Jabatan Nefrologi Negeri Kedah telah memilih Hospital Yan sebagai penganjur untuk mengendalikan program sambutan hari buah pinggang sedunia pada tahun 2023.

2. Tema

'Kidney health for All' - Preparing for the unexpected, supporting the vulnerable

3. OBJEKTIF

- *Meningkatkan kesedaran tentang pentingnya buah pinggang untuk kesihatan kita secara keseluruhannya dan mengurangkan kekerapan kesan penyakit buah pinggang serta masalah kesihatan yan berkaitan.*

4. TARIKH DAN LOKASI

TARIKH : **11 MAC 2023 (SABTU)**
TEMPAT : PERKARANGAN 'WATER FRONT' PANTAI MURNI, YAN KEDAH
MASA : 7.00 PAGI HINGGA 1.00 PETANG

5. PENYERTAAN

Penyertaan adalah seramai 1000 orang yang terdiri daripada orang awam yang merupakan penduduk Daerah Yan, Pesakit dialisis, Waris pesakit dan anggota kesihatan unit Hemodialisis seluruh Negeri Kedah.

6. JAWATANKUASA/URUSETIA PERINGKAT NEFROLOGI NEGERI

- Terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Hospital Yan, Jabatan Nefrologi Negeri Kedah dan Jabatan Kesihatan Negeri kedah.

7. AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- 7.00 Pagi - Pendaftaran peserta
7.45 Pagi - Senamrobik dan warm up
8.00 Pagi - *Fun Walk (1.5 KM)*
- *Sarapan*
- *Zumba*
- *Pameran Kesihatan*
- *Pemeriksaan Kesihatan*
- *kempen Derma Organ*
- *Sukaneka*
- *Aktiviti Mewarna (kanak-kanak)*
- *Ceramah - Pakar Nefrologi*
10.00 Pagi - Doa majlis
- Ucapan Pengarah Hospital Yan
- Ucapan Ketua Perkhidmatan Nefrologi Negeri Kedah
- Ucapan Perasmian Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
- Gimik Perasmian
- Penyampaian Cenderahati / Cabutan Bertuah
1.00 Petang - Jamuan Tengahari / Bersurai

8. KESIMPULAN

Sambutan Hari Buah pinggang sedunia yang pertama kalinya diadakan di Daerah Yan pada tahun 2023 ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Dr Othman Bin Warijo, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah. Pelbagai aktiviti yang diadakan telah berjaya menarik minat orang ramai menyertainya terutama pameran dan pemeriksaan kesihatan. Aktiviti sampingan seperti sukaneka, zumba dan pertandingan mewarna mendapat penyertaan yang menggalakkan disamping orang ramai yang menerima hadiah cabutan bertuah. Selain itu, di lokasi program juga adalah tempat tumpuan orang ramai dan penduduk di kawasan tersebut tidak tercicir dengan maklumat dan hal berkaitan perjagaan kesihatan buah pinggang.

Di Sediakan Oleh :

En. Nazrul Bin Ibrahim

Unit Hemodialisis

Hospital Yan

Kedah Darulaman.







World Kidney Day 2023
Hosp Yan Official



World Kidney Day 2023

Hosp Yan Official